

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 FEB 2015



Najib hadir memberi penghormatan terakhir kepada Nik Aziz yang meninggal dunia di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, semalam. [FOTO FATHIL ASRI/BH]

Kongsi hiba, bersatu hati

BH-14/2/2015



Orang ramai mengiringi jenazah Nik Aziz yang diusung untuk dikebumikan di tanah perkuburan, Kampung Pulau Melaka, semalam. [FOTO GHAZALI KORI/BH]

» **Pemimpin, rakyat bersatu beri penghormatan terakhir kepada Allahyarham Nik Aziz**

Oleh oleh Anwar Hussin, Nor Fazlina Abdul Rahim, Siti Rohana Idris, Nor Izuan Shamsuddin dan Betty Subaryati
bhkb@bh.com.my

✦ Kota Bharu

Di sebalik rasa hiba di atas pemergian bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, ternyata ia membawa hikmah tersembunyi apabila pemimpin dan rakyat tanpa mengira parti politik, bersatu ba-

gi memberikan penghormatan terakhir.

Ini dapat dilihat apabila ramai pemimpin besar UMNO serta orang ramai bukan dari pakatan pembangkang turut hadir bersama ribuan rakyat dari seluruh negara, bagi memberi penghormatan terakhir kepada Mursyidul Am PAS itu.

Malah kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di perkarangan rumah Allahyarham di Kampung Pulau Melaka itu disambut dengan laungan 'Al-lahu Akbar' beberapa kali oleh penyokong parti itu.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata kehadiran Perdana Menteri dan Tengku Razaleigh Hamzah semalam, ternyata menunjukkan penghormatan pemimpin UMNO terhadap bekas Menteri Besar Kelantan itu.

Negara bersedih

Katanya, negara bersedih kerana kehilangan seorang ulama dan pemimpin yang menggunakan dasar Islam dalam pentadbiran di Kelantan.

Malah, Najib dalam satu perutusan khas melalui video berdurasi 1 minit 43 saat yang dimuat naik di laman sosial facebooknya, di sini, semalam menyifatkan kematian Nik Aziz sebagai satu kehilangan kepada negara seorang tokoh yang bukan saja aktif dalam dunia politik, malah mempunyai perjuangan dalam memartabatkan Islam.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau dengan bekas Menteri Besar Kelantan itu berbeza ideologi politik, mereka mempunyai impian yang sama iaitu memartabatkan Islam di negara ini.

Di **Kuching**, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sedang mengadakan lawatan ke Sarawak, menyifatkan Nik Abdul sebagai pemimpin dan tokoh politik yang cukup bijaksana.

"Sikap kesederhanaan Allahyarham disanjung semua pihak, bukan saja dalam peranannya sebagai seorang tokoh politik, tapi juga sebagai tokoh agama yang banyak berjasa," katanya.